

600 pelajar FKAL jayakan UMSKAL Eco Landscape 1.0

NST 2.12.2017

LABUAN: Kira-kira 600 pelajar Tahun Satu dan Tahun Dua Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) telah menjayakan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Eco Landscape 1.0, baru-baru ini.

Majlis pelancaran program itu disempurnakan oleh Dekan FKAL, Prof Madya Dr Hanudin Amin di Padang UMSKAL.

Turut hadir Timbalan Dekan, Dr Mohd Fahmi Mohd Ghazali selaku Ketua Projek, Penyelaras Program, Muafiza Masdar (Kewangan), Najwa Mohd Khalil (Pengurusan), Nur Shahirah Azman (Operasi) serta dua Penyelaras Bersama, Ricky Jores dan Nurulizam Tinggal.

Hadir sama menyaksikan majlis pelancaran itu Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon Tiga, Sairan Ibrahim, Pengerusi Sub Zon Empat, Haji Che Mat Haji Mustapha, Pengerusi Sub Zon Lima, Haji Omar Masir dan Pengerusi Sub Zon Tujuh, Sukimin Wakimin.

Sempena program itu, pelajar FKAL memasang laluan berbumbung yang ditanam dengan tanaman menjalar sepanjang 80 meter bagi memberi keselesaan pelajar berjalan kaki ke Dewan Kuliah Pusat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kokurikulum.

Menurut Dr Mohd Fahmi, laluan berbumbung dengan tanaman menjalar itu merupakan yang pertama dibina di Universiti Awam di negara



PELANCARAN...Dr Hanudin (empat kanan), Mohd Fahmi (enam kanan) bersama pemimpin Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) melancarkan UMSKAL Eco Landscape 1.0

ini.

Beliau berharap semua pelajar UMSKAL akan menjaga kemudahan yang disediakan pihak universiti sekaligus menyokong program UMSKAL Eco Landscape.

Sementara itu, Mohd Fahmi berkata program itu bertujuan untuk menyemai semangat kehijauan dalam kalangan pelajar UMSKAL.

Beliau juga yakin menerusi program itu, ianya dapat meningkatkan persekitaran hijau dengan menggunakan konsep 3R.

Sementara itu, Dr Hanudin dalam ucapannya mahu pelajar menggunakan ruang dan peluang itu untuk menambah ilmu sampingan selain tugas utama mereka.

Katanya, menerusi projek tersebut, beberapa nilai tambah dapat diperoleh pelajar termasuk daya kepimpinan, menghargai alam sekitar dan semangat berpasukan.

"Semangat bekerjasama

dapat dilihat menerusi pelaksanaan projek tersebut. Saya ucapkan terima kasih kepada semua pelajar dan pensyarah FKAL yang menjayakan projek UMSKAL Eco Landscape 1.0,"katanya.

Mohd Fahmi turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Perbadanan Labuan (PL), Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), syarikat perniagaan serta agensi kerajaan dan swasta yang turut menjayakan program murni itu.

"Jalinan kerjasama daripada pelbagai pihak itu termasuk komuniti setempat merapatkan lagi hubungan baik dengan UMS Labuan. Terima kasih kami ucapkan," katanya.

Projek itu dijalankan selama dua hari dengan pelajar mengadakan pelbagai aktiviti termasuk gotong-royong dan menanam pokok menjalar di laluan berbumbung tersebut. -OLEH JAINUDIN DJIMIN



LALUAN BERBUMBUNG... Pelajar FKAL bergambar kenangan di laluan berbumbung yang ditanam tanaman menjalar ke Dewan Kuliah Pusat UMSKAL.